

Bukti ketelusan parti, Barisan

UM10 JUL 2003

SEREMBAN 9 Julai – Menteri Besar, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad menyokong cadangan supaya setiap anggota UMNO yang hendak dicalonkan pada pilihan raya umum akan datang mengisytiharkan harta masing-masing.

Menurut beliau, cadangan itu membuktikan ketelusan parti dan Barisan Nasional (BN) supaya pucuk pimpinan mengetahui harta seseorang itu sama ada yang mempunyai jawatan dalam kerajaan dan wakil rakyat sedia ada atau bakal calon nanti.

“Saya percaya dengan berbuat demikian, pucuk pimpinan tahu akan jumlah harta yang ada pada

seseorang calon yang hendak bertanding pada pilihan raya akan datang.

“Ya sekali gus membolehkan pucuk pimpinan parti memantau seseorang itu selepas menjadi wakil rakyat bagi memastikan mereka tidak hidup mewah daripada harta yang dimiliki sebelum itu,” katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco, di sini hari ini.

Mohd. Isa yang juga Pengerusi BN Negeri berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri,

Datuk Seri Dr.

Mahathir Mohamad semalam yang Majlis Tertinggi

Nasional — Mohd. Isa

(MT) UMNO akan menimbang cadangan mengenai pengisytiharan harta itu.

Dr. Mahathir yang menyifatkan cadangan itu sebagai amat baik menjelaskan bahawa ia bagaimanapun tidak memerlukan sebarang pindaan perlembagaan oleh UMNO.

Menteri Besar itu menambah, dengan berbuat demikian pucuk pimpinan boleh membuat semakan atau siasatan jika ada dakwaan oleh pihak-pihak tertentu terhadap seseorang wakil rakyat UMNO yang hidup mewah daripada sepatutnya.

“Perdana Menteri boleh melihat kebenaran terhadap

dakwaan ini dan ia baik untuk parti serta kerajaan pada masa depan,” tegasnya.

Beliau berkata, tidak ada sebab untuk seseorang yang menjadi calon pada pilihan raya akan datang merasa takut untuk mengisytiharkan harta masing-masing.

Jika mereka ada perasaan itu, beliau menasihatkan mereka supaya tidak bertanding nanti.

“Biar pun begitu, UMNO tidak memilih seseorang itu untuk menjadi calon berdasarkan harta yang mereka ada tetapi ialah peluang seseorang itu untuk menang dalam pilihan raya umum nanti.

“Bag-i wakil rakyat yang sedia ada, penilaian dibuat terhadap komitmen dan prestasi kerja,” tegasnya.